



MAMPU  
JABATAN PERDANA MENTERI

## SIARAN MEDIA

### PROGRAM *SOFT LAUNCH* MyGDX

---

**Putrajaya, 15 Januari 2018** – Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri telah menerajui pelaksanaan inisiatif Hab Perkongsian Maklumat Kerajaan dan *National Registries* yang merupakan salah satu projek berimpak tinggi di bawah peruntukan Rancangan Malaysia Ke-11. Inisiatif ini telah dijenamakan sebagai MyGDX (*Malaysian Government Central Data Exchange*).

MyGDX ialah platform perkongsian maklumat yang menyediakan perkhidmatan broker data (*data brokerage*) bagi maklumat yang sering dirujuk oleh agensi-agensi kerajaan. Pelaksanaan MyGDX membolehkan maklumat kerajaan dikongsi merentasi agensi-agensi dengan lebih efisien. MyGDX dapat mengurangkan pertindihan pembangunan infrastruktur, secara tidak langsung mengurangkan kos penyediaan dan penyelenggaraan infrastruktur di agensi.

Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri telah menganjurkan **Program Soft Launch MyGDX** pada **15 Januari 2018** bertempat di **Putrajaya Ballroom 1, Hotel Marriot Putrajaya**. Perasmian program ini disempurnakan oleh YBhg. Dato' Dr. Mazlan Yusoff, Ketua Pengarah MAMPU dan dihadiri oleh lebih 150 wakil agensi pelaksana.

Program *Soft Launch* MyGDX yang dihadiri oleh Ketua Jabatan, Ketua Pegawai Maklumat, Pegawai Teknikal dan Duta Perubahan agensi daripada Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Pendidikan Tinggi, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia, Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Pembangunan Kemahiran, Majlis Peperiksaan Malaysia dan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional.

Antara tujuan Program *Soft Launch* MyGDX adalah untuk melancarkan MyGDX versi beta, memperkenalkan secara langsung dan mendapatkan *buy-in* daripada agensi untuk memanfaatkan MyGDX dalam sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan.

Seterusnya sesi *Meet and Greet* sebagai wacana pengurusan perubahan MyGDX yang bertujuan mengukuhkan jalinan kerjasama antara MAMPU dengan agensi-agensi bagi menyokong dan memastikan program ini dilaksanakan dengan jayanya. MyGDX akan diperluaskan kepada semua perkhidmatan kerajaan yang berpotensi supaya data daripada pelbagai agensi dikongsi dan digunakan dari sumber asal yang sah dan sah.

Unit Pemodenan Tadbiran dan  
Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)  
Jabatan Perdana Menteri  
15 Januari 2018